

BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

ANALISIS PELAKSANAAN *IHYĀ'* RAMADAN DAN SOLAT TARAWIH DI JAJAHAN KOTA BHARU

4.1 Pendahuluan

Untuk melihat pelaksanaan *ihyā'* Ramadan di jajahan Kota Bharu, penulis menggunakan metod soal selidik, observasi dan temubual. Metod soal selidik merupakan sumber data yang utama untuk menganalisis data. Untuk itu penulis telah mengedarkan 600 keping borang soal selidik kepada responden yang melibatkan Dataran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), 3 buah masjid bandar dan 8 buah masjid mukim di sekitar Kota Bharu.

Daripada 600 keping borang soal selidik yang diedarkan kepada responden hanya 369 sahaja yang dikembalikan. Beberapa perkara yang diambil kira oleh penulis untuk menganalisis data ialah latar belakang responden yang melibatkan jantina, tahap umur, klasifikasi penduduk, pekerjaan dan taraf pendidikan. Dalam menghuraikan masalah latar belakang responden, penulis menggabungkan semua masjid sebagaimana yang telah disebutkan di atas.

Sungguhpun begitu penulis mengasingkan di antara masjid mukim dan masjid bandar dengan kawasan Dataran MPKB dalam menghuraikan tentang perlaksanaan dan penghayatan terhadap solat tarawih. Masjid dan Dataran MPKB terdapat perbezaan dalam kajian ini dari sudut pelaksanaan dan penghayatan solat tarawih kerana melibatkan masjid dan kawasan terbuka. Begitu juga borang soal selidik yang diedarkan adalah berbeza.

4.2 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Jadual 1: Jantina Dan Umur Responden

BIL	JANTINA UMUR	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1	Kurang dari 15 tahun	08 (2.2%)	03 (0.8%)	11 (03%)
2	15 – 25 tahun	80 (21.7%)	20 (5.4%)	100 (27.1%)
3	26 – 45 tahun	92 (25%)	30 (08%)	122 (33%)
4	Lebih dari 46 tahun	113 (30.6%)	23 (6.3%)	136 (36.9%)
JUMLAH		293 (79.5%)	76 (20.5%)	369 (100%)

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan perbezaan jantina yang mana bilangan lelaki melebihi bilangan perempuan. Bilangan lelaki 293 orang (79.5%), manakala perempuan 76 orang (20.5%).

Perbezaan ini berlaku disebabkan kaum wanita pada bulan puasa agak sibuk sedikit jika dibandingkan dengan kaum lelaki kerana mereka dibebani dengan tugasan harian seperti memasak dan menjaga anak-anak. Jadi kesempatan untuk mereka pergi ke masjid agak membebankan. Oleh itu tidak timbul bilangan kaum wanita sedikit dari kaum lelaki sewaktu menunaikan solat tarawih di masjid. Tambahan pula solat tarawih adalah sunat dan boleh dikerjakan di rumah masing-masing secara bersendirian.

Dalam menunaikan solat tarawih di masjid kaum wanita sedikit jumlahnya berbanding dengan kaum lelaki, ini adalah kerana mereka lebih terikat dengan keizinan suami dan juga ibu-bapa. Keadaan sedemikian adalah merupakan ketentuan syarak kepada kaum wanita.

Manakala dari sudut tahap umur responden, didapati mereka yang berumur kurang dari 15 tahun ialah 11 orang (03%), 15 – 25 adalah 100 orang (27.1%), 26 – 45 adalah 122 orang (33%), manakala 136 (36.9%) adalah mereka yang berumur melebihi 45 tahun.

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa tahap usia menjadi ukuran dalam penghayatan solat tarawih. Mereka yang berusia melebihi 25 tahun lebih tinggi tahap kefahaman dan pengamalan mereka daripada yang lain. Amat tepatlah bahawa di mana sahaja terdapat majlis ilmu sama ada secara formal atau tidak, kebanyakannya dihadiri oleh orang-orang dewasa. Jadi amat sesualilah kaum tua lebih berminat melakukan solat tarawih jika dibandingkan dengan kaum muda, memandangkan mereka telah tua dan yang penting lagi ialah mereka mempunyai kefahaman yang mendalam untuk beribadat kepada Allah S.W.T.

Jelas di sini, bahawa tahap usia menjadi "kayu ukur" kepada seseorang itu sama ada rajin atau tidak dalam melakukan solat tarawih. Jika dilihat dari sudut keilmuan, kaum muda lebih tinggi ilmunya tetapi tahap amalannya sedikit berbanding dengan kaum tua. Oleh sebab itu, penulis dapati kaum tua lebih ramai dari kaum muda melaksanakan solat tarawih secara berjemaah.

Jadual 3 : Taraf Pendidikan

BIL	TARAF PENDIDIKAN	BIL ORANG	PERATUS
1	Sekolah Rendah	58	15.7
2	Sekolah Menengah	235	63.7
3	Peringkat Ijazah	53	14.4
4	Tidak bersekolah	17	04.6
5	Lain-lain	6	01.6
JUMLAH		369	100

Sumber : Borang soal selidik

Dari kenyataan di atas, 58 orang (15.7%) daripada responden yang bersekolah rendah, 235 orang (63.7%) yang bersekolah menengah, 53 orang (14.4%) yang belajar di peringkat ijazah, 17 orang (4.6%) yang tidak bersekolah, manakala 6 orang (1.6%) lagi termasuk kategori lain-lain.

Jadual 3 tersebut menunjukkan bahawa mereka yang bersekolah menengah lebih banyak menghadiri masjid untuk solat tarawih jika dibandingkan mereka yang bersekolah rendah dan di peringkat ijazah. Taraf pendidikan tidak boleh dijadikan “kayu ukur” terhadap tahap kefahaman dan penghayatan mereka kepada agama. Yang penting ialah tahap kesedaran dan amalan mereka terhadap ilmu yang mereka pelajari.

Kesimpulannya, taraf pendidikan sekarang ini bukanlah menjadi ukuran seseorang itu sama ada rajin atau tidak untuk melakukan solat tarawih, tapi tahap keilmuan agama dan kesedaran dalam daripada jiwa individu itu sendiri adalah lebih utama.

Jadual 4 : Klasifikasi Penduduk

BIL	KLASIFIKASI PENDUDUK	BIL ORANG	PERATUS
1	Bandar	53	14.4
2	Pinggir Bandar	130	35.2
3	Kampung	186	50.4
	JUMLAH	369	100

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas menunjukkan bilangan dan peratusan responden yang tinggal di kawasan bandar iaitu 53 orang (14.4%), di pinggir bandar 130 orang (35.2%), manakala 186 orang (50.4%) lagi tinggal di kawasan perkampungan.

Secara umumnya mereka yang tinggal di kawasan pinggir bandar dan kampung memberikan sambutan yang lebih serius dalam melaksanakan solat tarawih jika dibandingkan dengan penduduk di kawasan bandar. Penulis beranggapan bahawa mereka yang tinggal di kawasan bandar kurang memberikan perhatian terhadap soal keagamaan malah jalinan *ukhuwwah* di kalangan mereka “agak longgar”. Contohnya, terdapat sebuah Masjid di Taman Uda di Pengkalan Chepa yang mana di sekitarnya terdiri dari “golongan elit” dan berpendapatan tinggi di mana suasana rumah-rumah mereka “berpagar tinggi” yang mengeruni sesiapa sahaja untuk mendekatinya. Ini menghalang antara mereka untuk berinteraksi antara satu sama lain. Penulis tidak menolak kemungkinan bahawa golongan ini lebih suka solat tarawih di masjid-masjid bandar iaitu di sekitar Kota Bharu dan juga Pengkalan Chepa.

Bagi penulis, penglibatan penduduk kampung terhadap pengamalan solat tarawih lebih ramai dan serius jika dibandingkan dengan kawasan di bandar. Suasana kehidupan di kampung mempengaruhi diri responden. Jika ditinjau dari segi aktiviti keagamaan, mereka yang tinggal di kawasan kampung “lebih meriah”, jika dibandingkan dengan kawasan bandar. Begitu juga dari segi hubungan persaudaraan dan sifat keramahan penduduk kampung lebih erat dan

mudah untuk diajak bersama ke arah kebaikan dan kemasyarakatan apatah lagi tentang hal keagamaan.

Jadual 5 : Pekerjaan Responden

BIL	PEKERJAAN RESPONDEN	BIL ORANG	PERATUS
1	Sektor Awam	90	24.4
2	Sektor Swasta	39	10.6
3	Berniaga	50	13.5
4	Bertani	37	10.0
5	Belajar	101	27.4
6	Lain-lain	50	13.5
7	Tiada jawapan	2	0.6
JUMLAH		369	100

Sumber : Borang soal selidik

Jadual di atas memaparkan kategori pekerjaan yang mana terdapat 90 orang (24.4%) daripada responden yang bekerja di sektor awam, 39 orang (10.6%) di sektor swasta, 50 orang (13.5%) bermiaga, 37 orang (10%) bertani, 101 orang (27.4%) masih belajar, 50 orang (13.5%) tidak bekerja termasuk suri rumah dan pesara. Manakala 2 orang (0.6%) lagi tidak memberi apa-apa jawapan.

Sekali imbas, status pekerjaan tidak mempengaruhi para responden dalam mengerjakan solat tarawih. Penglibatan mereka yang bekerja di sektor awam dan juga para pelajar agak tinggi jika dibandingkan dengan yang lain. Pada hemat penulis kemungkinan mereka mempunyai waktu rehat yang banyak pada bulan ini jika dibandingkan dengan bulan-bulan lain kerana pada

bulan Ramadan, waktu bekerja dan belajar disingkatkan semata-mata untuk memberi peluang untuk rehat sebagai menghormati bulan Ramadan disamping mengumpul tenaga bagi mengerjakan *qiyam* Ramadan pada malamnya.

Jelas di sini bahawa penghayatan dan pengamalan terhadap solat tarawih di kalangan responden menunjukkan perkembangan positif dan mendapat sambutan dari segenap lapisan masyarakat. Status dan kedudukan tidak menjadi ukuran, yang jelas ialah kesedaran mereka terhadap solat tarawih yang merupakan titik tolak ke arah penghayatan dan pengamalan ajaran agama Islam yang hakiki.

4.3 PELAKSANAAN DAN PENGHAYATAN SOLAT TARAWIH

4.3.1 Perbezaan Tempat Dan Keperluan Masyarakat

Secara umumnya, penghayatan solat tarawih dalam masyarakat Kelantan dapat dikategorikan kepada beberapa faktor. Ini berdasarkan dari tinjauan penulis dalam menganalisis data serta dari pengamatan penulis sendiri di Dataran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), tiga buah masjid bandar dan beberapa buah masjid mukim.

Semua masjid di jajahan Kota Bharu terbahagi kepada dua kategori: iaitu 6 buah masjid bandar dan 116 buah masjid mukim.¹ Untuk tujuan analisis, penulis menggabungkan semua masjid itu dengan mengambil kira empat penjuru. Setiap penjuru, penulis mengambil satu, dua atau tiga buah masjid sebagai *sampel* mewakili keseluruhan masjid mukim, manakala tiga buah masjid bandar sebagai mewakili semua masjid bandar di jajahan Kota Bharu.

Jika dilihat dari segi kawasan pula, ia terbahagi kepada dua kawasan, iaitu kawasan bandar dan luar bandar di mana sambutan para jemaahnya hampir sama. Ini disebabkan adanya penyamarataan dan penyelarasannya yang sistematik dari pihak kerajaan negeri terhadap penghayatan solat tarawih.

Berdasarkan borang soal selidik (sebanyak 600 keping) yang diedarkan kepada para jemaah di Dataran MPKB dan masjid-masjid sekitar Kota Bharu, hanya sejumlah kecil sahaja yang memulangkannya. Di sini penulis cuba mengasingkan ke semua tempat tersebut berdasarkan tiga kategori:

MASJID MUKIM

KAWASAN	NAMA MASJID	JUMLAH DIEDAR	JUMLAH DITERIMA
Utara	Masjid Taman Uda	50	27
Selatan	Masjid Kok Lanas	50	33
	Masjid Ketereh	50	46
Barat	Masjid Pendek	50	39
	Masjid Salor	50	42
Timur	Masjid Pasir Tumboh	50	07
	Masjid Binjai	50	49
	Masjid Melor	50	25
JUMLAH		400	268

MASJID BANDAR

KAWASAN	NAMA MASJID	JUMLAH DIEDAR	JUMLAH DITERIMA
Utara	Masjid Sultan Ismail Kubang Kerian	50	28
Selatan	Masjid Muhammadi	50	20
Barat	Masjid Pengkalan Chepa	50	42
JUMLAH		150	90

DATARAN MPKB

KAWASAN	NAMA TEMPAT	JUMLAH DIEDAR	JUMLAH DITERIMA
Tengah Bandar	Dataran MPKB	50	11
	JUMLAH	50	11

Dari paparan data di atas, terlebih dahulu penulis cuba membuat huraian mengenai masjid bandar dan masjid mukim yang mana terdapat tiga tahap sambutan para jemaah terhadap borang soal selidik yang telah diedarkan.

Tahap pertama, iaitu 30 keping ke atas dianggap sebagai sambutan yang menggalakkan, 25-29 keping adalah sederhana dan 24 keping ke bawah dianggap tidak memuaskan. Borang soal selidik tidak semuanya dipulangkan kerana sudah menjadi kebiasaan orang apabila melihat lembaran kertas, mereka terus mengambil dan membacanya untuk mengetahui tentang apa yang tertera, namun untuk menggunakan dengan sebaik mungkin adalah sedikit sekali kecuali diminta secara formal atau menggunakan sedikit paksaan.

Walaupun arahan dan taklimat awal telah diberikan terlebih dahulu sebelum borang soal selidik diedarkan kepada para jemaah namun ianya tidak diendahkan kecuali beberapa orang sahaja. Sungguhpun begitu jumlah ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan sambutan para makmum di Masjid Pondok Terosan Pasir Tumbuh iaitu hanya mengembalikan tujuh keping sahaja. Jumlah ini amat memerlukan penulis kerana tidak pernah berlaku

sebelum ini baik di mana-mana masjid mukim ataupun masjid bandar yang menjadi medan kajian penulis.

Penulis berpendapat bahawa di Masjid Pondok Terosan Pasir Tumboh adalah di bawah penyeliaan seseorang yang berpengaruh dengan para pelajar. Jadi, borang soal selidik itu tidak diedarkan kecuali kepada beberapa individu tertentu sahaja, tambahan pula pada bulan Ramadan, kebanyakan pelajar bercuti dan hanya segelintir sahaja yang tidak pulang ke kampung halaman.

Sebelum borang soal selidik diserahkan kepada penyelia berkenaan, penulis telah ditemuramah dengannya hampir $2 \frac{1}{2}$ jam. Beliau banyak mengemukakan pertanyaan tentang solat tarawih dan mengenai borang soal selidik yang akan diedarkan. Kebanyakan pertanyaan tertumpu kepada bilangan rakaat solat tarawih. Walau bagaimanapun, mereka berpegang teguh dengan sistem pondok yang mengamalkan 20 rakaat.

Menurut beliau, soalan-soalan yang terdapat dalam borang soal selidik itu tidak perlu dikemukakan di tempat ini kerana soalannya sudahpun terjawab melalui jawapan beliau sendiri. Sehubungan dengan hal demikian, penulis telah meneliti semua borang soal selidik yang dikembalikan dimana jawapannya hampir sama dan tidak memuaskan. Ini menyebabkan penulis menggunakan alternatif yang lain iaitu menggantikan Masjid Pondok Terosan Pasir Tumboh dengan Masjid Binjai.²

Dari sini dapatlah diambil suatu kepastian bahawa jawapan di antara para jemaah tidak sama antara satu sama lain. Ini jelas perbezaan tempat dapat mempengaruhi pengamalan solat tarawih. Buktinya, di Masjid Pondok Terosan Pasir Tumboh mereka mengamalkan solat tarawih 20 rakaat, di mana mereka berpegang teguh kepada pengamalan *Sayyidina* ‘Umar (r.a), yang mana perkataan *Sayyidina* ‘Umar (r.a) tidak dibantah oleh para sahabat dan disepakati sebagai ijmak sahabat. Ia diterima oleh para jemaah di pondok ini tanpa sebarang komentar.

Penyelia berkenaan menyatakan bahawa kebanyakan jemaah yang ingin cepat pulang ataupun mempunyai hal-hal lain seperti untuk berbual-bual di warung atau kedai, mereka mendirikan solat tarawih 8 rakaat. Sebab itulah mana-mana masjid boleh melakukan solat tarawih sama ada 8 atau 20 rakaat. Bagi penulis, tanggapan sedemikian adalah salah kerana mendirikan solat adalah melakukan suatu ibadat semata-mata kerana Allah S.W.T bukannya dengan tujuan-tujuan yang lain.

Jadual 1 : Pandangan Masyarakat Terhadap Peribadi Imam.

BIL	REAKSI MASYARAKAT TERHADAP PERIBADI IMAM	BIL ORANG	PERATUS
1	Suka	344	96.1
2	Tidak Suka	10	2.8
3	Lain-lain	4	1.1
JUMLAH		358	100

Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan Jadual tersebut, 344 orang (96.1%) responden suka terhadap imam, 10 orang (2.8%) tidak suka kepadanya, manakala yang selebihnya tidak memberi apa-apa tanggapan dan kritikan.

Antara perkara yang menyebabkan mereka suka kepada seseorang imam ialah mungkin dari segi kecekapan dalam mengurus dan mentadbir sesebuah masjid bersama ahli jawatankuasa (AJK) serta sikap, peribadi dan keikhlasan mereka dalam sesuatu hal. Namun bagi segelintir dari kalangan mereka yang tidak suka terhadap seseorang imam, berkemungkinan atas dasar peribadi atau perkara yang remeh-temeh sahaja.

Jadual 2 : Penglibatan Imam-Imam Hafiz

BIL	MASJID YANG DIIMAMI OLEH PARA HAFIZ	BIL ORANG	PERATUS
1	Ya	243	67.9
2	Tidak	75	20.9
3	Kadang-kadang	36	10.1
4	Lain-lain	4	01.1
JUMLAH		358	100

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan masjid yang diimamkan oleh imam hafiz. Daripada Jadual tersebut jelas menunjukkan 243 orang (67.9%) daripada responden menyatakan bahawa masjid mereka diimamkan oleh imam hafiz, 75 orang (20.9%) menyatakan sebaliknya, 36 orang (10.1%) responden menyatakan jarang sekali, manakala selebihnya tidak memberi apa-apa tanggapan.

Kehadiran imam hafiz adalah dari jemputan pihak masjid atau juga dihantar oleh pihak kerajaan untuk “memeriahkan” suasana solat tarawih tersebut, di mana mereka membaca seluruh ayat al-quran di dalam sembahyang tarawih sepanjang Ramadan. Bagi para jemaah yang menghadiri dari awal hingga akhir Ramadan seolah-olah mereka juga mengkhatami al-Quran walaupun hanya melalui bacaan imam hafiz sewaktu solat tarawih. Penglibatan imam hafiz memberi kesan kepada para jemaah iaitu bertarawih dengan mengkhatamkan al-Quran.

Kesimpulannya, sejak akhir-akhir ini permintaan para jemaah masjid terhadap imam-imam hafiz amatlah tinggi. Di Kelantan khususnya, tempat-tempat hafiz al-Quran tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan, tambahan pula kerajaan negeri memberikan “saguhati” kepada mereka sebagai galakkan dan sokongan. Langkah yang diambil oleh kerajaan negeri adalah tepat pada waktunya di mana tempat utama yang menjadi tumpuan ialah Maahad Tahfiz Al-Quran, Pulai Chondong. Pelajar hafiz yang pertama tamat di Maahad ini seramai 23 orang. Mereka menyambung pelajaran dalam pelbagai bidang sama ada di universiti tempatan ataupun luar negeri.

Jadual 3 : Bilangan Rakaat Solat Tarawih

BIL	BILANGAN RAKAAT	BIL ORANG	PERATUS
1	8 rakaat	144	40.2
2	10 rakaat	22	6.1
3	20 rakaat	160	44.7
4	Terkadang 8 dan 20	23	6.4
5	Lain-lain	9	2.5
JUMLAH		358	100

Sumber : Borang soal selidik

Berkaitan dengan jumlah bilangan rakaat di masjid mukim dan bandar di jajahan Kota Bharu, para responden telah membuat keputusan sebagaimana data di atas. Daripada 3 buah masjid bandar dan 8 buah masjid mukim yang dikaji, 144 orang (40.2%) solat tarawih sebanyak 8 rakaat, 22 orang (6.2%) bertarawih sebanyak 10 rakaat, 160 orang (44.7%) bertarawih sebanyak 20 rakaat, 23 orang (6.4%) bertarawih terkadang 8 dan 20 rakaat dan 9 orang (2.5%) yang menjawab lain dari yang di atas.

Jika dilihat dari jadual 8 di atas, kebanyakan masjid mukim dan bandar melakukan solat tarawih sama ada 8 atau 20 rakaat. Manakala masjid-masjid yang melakukan terkadang 8 dan 20 rakaat melebihi sedikit sahaja daripada yang melakukan 10 rakaat.

Sungguhpun begitu, penulis merasa keliru terhadap jawapan responden yang melakukan solat tarawih sebanyak 10 rakaat. Berdasarkan pengamatan penulis sendiri melalui temubual dengan Ustaz Ismail Saidina, Imam Besar

Masjid Muhammadi, menurut beliau kebanyakannya masjid di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) mengerjakan solat tarawih antara 8 dan 20 rakaat sahaja.³ Penulis mendapati hanya beberapa buah surau sahaja yang melakukan solat tarawih sebanyak 10 rakaat (2 rakaat solat sunat *Iftitah* dan 8 rakaat solat tarawih) misalnya sebagaimana yang diamalkan oleh Ustaz Abdullah Al-Qari Bin Hj. Salleh.⁴

Jadual 4 : Tanggapan Para Responden mengenai Jumlah Bilangan Rakaat.

BIL	TANGGAPAN RESPONDEN MENGENAI RAKAAT	BIL ORANG	PERATUS
1	8 rakaat	118	33.0
2	10 rakaat	25	7.0
3	20 rakaat	153	42.7
4	Terkadang 8 dan 20	42	11.7
5	Lain-lain	20	5.6
JUMLAH		358	100

Sumber : Borang soal selidik

Dari kenyataan di atas, tanggapan para responden mengenai bilangan rakaat solat tarawih adalah berbeza-beza yang mana 118 orang (33%) menganggap 8 rakaat sesuai untuk masjid mereka, 25 orang (7%) menganggap 10 rakaat, 153 orang (42.7%) menganggap 20 rakaat, 42 orang (11.7%) menganggap terkadang 8 dan 20 rakaat, manakala 20 orang (5.6%) menganggap lain-lain iaitu gabungan antara 10 dan 20 rakaat, gabungan 8, 10 dan 20 rakaat dan sebagainya.

Secara umumnya, tanggapan para responden mengenai bilangan rakaat solat tarawih hampir sama dengan jumlah rakaat yang dilakukan di masjid mereka. Biasanya apabila disebut tanggapan, kebanyakan mereka menjawab 20 rakaat dan 8 rakaat. Jumlah ini sudah menjadi kelaziman di mana-mana masjid di Kelantan. Selain dari 8 dan 20 rakaat dianggap ganjil kerana luar dari pengetahuan mereka. Hanya mereka yang berpengetahuan luas dan banyak membaca sahaja mengetahui kedudukan jumlah rakaat solat tarawih.

Isu mengenai rakaat solat tarawih pada tahun 80-an agak kecoh apabila ada di kalangan mereka yang menganggap dirinya berilmu dan mengeluarkan pendapat bahawa solat tarawih kurang dari 40 rakaat adalah tidak sah. Jadi, untuk menyelesaikan kes ini Mufti Kelantan pada masa itu mengeluarkan fatwa bahawa solat tarawih boleh dilakukan beberapa rakaat yang mereka kehendaki.⁵

Kesimpulannya, bilangan rakaat solat tarawih yang diamalkan di jajahan Kota Bharu pada umumnya adalah 20 rakaat, namun demikian ada juga di sesetengah masjid mengamalkan 8 rakaat. Walaupun demikian, penulis tidak menolak kemungkinan para jemaah di jajahan Kota Bharu Omelakukannya kurang daripada yang telah disebutkan di atas maupun untuk lebih dari 20 rakaat kerana solat tarawih termasuk solat-solat sunat yang mendapat pahala jika dikerjakan dan tidak mendapat dosa jika ditinggalkan. Malah hendaknya

dilakukan tanpa rasa keterpaksaan tapi sebaliknya dengan rasa penuh keimanan dan kesedaran masing-masing.

Jadual 5 : Bacaan Imam

BIL	BACAAN IMAM	BIL ORANG	PERATUS
1	Cepat	39	10.9
2	Lambat	12	3.4
3	Sederhana	104	84.9
4	Lain-lain	3	0.8
JUMLAH		358	100

Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan Jadual 5, 39 orang (10.9%) daripada responden yang suka kepada bacaan imam secara cepat, 12 orang (3.4%) yang suka bacaan secara lambat, 304 orang (84.9%) yang suka bacaan yang sederhana, 3 orang (0.8%) tidak memberi apa-apa komentar.

Dari kenyataan di atas, sememangnya responden lebih suka kepada imam yang membaca dengan sederhana. Hanya segelintir sahaja yang suka bacaan secara cepat atau lambat. Kesederhanan merupakan suatu cara yang terbaik dalam segala hal apatah lagi menjadi imam dalam sembahyang. Jadi sudah semestinya segala hukum tajwid dan semua sebutan huruf dapat dijaga dengan baik. Keadaan sedemikian dapat menimbulkan "kemanisan" ketika beribadat kepada Allah S.W.T.

Dari sumber borang soal selidik yang diedarkan, kekerapan kehadiran para jemaah di sepanjang bulan Ramadan mencapai peratus yang tertinggi iaitu 82.1 % jika dibandingkan dengan mereka yang jarang hadir. Ini menunjukkan bahawa umat Islam begitu serius dalam ibadat solat tarawih. Kesedaran ini timbul hasil kerjasama pihak kerajaan negeri dengan para imam dan AJK masjid dengan cara memperbanyakkan majlis ilmu, ceramah, forum dan sebagainya sama ada di bulan Ramadan khususnya atau pada bulan-bulan yang lain umumnya.

Jadual 6 : Panjang Pendek Surah Yang Dibaca

BIL	PANJANG PENDEK SURAH	BIL ORANG	PERATUS
1	Surah At-Takathur ke bawah	63	17.6
2	Ayat yang panjang	20	5.6
3	Satu juzuk satu malam	111	31.0
4	Mana-mana ayat yang sederhana panjang	157	43.9
5	Lain-lain	7	1.9
JUMLAH		358	100

Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan jadual di atas, 63 orang (17.6%) di kalangan responden menyatakan persetujuan terhadap imam masjid mereka membaca surah At-Takathur ke bawah, 20 orang (5.6%) daripada responden suka mana-mana ayat yang panjang, 111 orang (31%) daripada responden suka kepada bacaan satu juzuk satu malam, 157 orang (43.9%) daripada responden suka kepada mana-

mana ayat yang sederhana panjang, manakala yang selebihnya tidak memberi tanggapan dan juga menggabungkan kenyataan di atas.

Jadual 6 memaparkan tentang panjang pendek surah yang dibaca oleh imam di masjid-masjid sekitar Kota Bharu sewaktu mendirikan solat tarawih. Sebelum tahun 90-an, kebanyakan masjid di sekitar Kota Bharu mengamalkan bacaan surah-surah yang tertentu. Namun sudah menjadi suatu tradisi masyarakat Melayu iaitu bacaan surah *at-Takāthur* ke bawah.

Setelah pihak kerajaan negeri Kelantan memperkenalkan pelajar-pelajar hafiz terutamanya dari Pulai Chondong Machang untuk menjelajahi ke semua masjid seluruh jajahan di Kelantan bagi mengimami solat tarawih sepanjang bulan Ramadan (iaitu satu malam bagi satu jajahan), maka ianya menjadi tumparan hebat kepada imam-imam masjid tentang kedudukan mereka jika dibandingkan dengan para pelajar yang masih kecil (pelajar hafiz). Kerana itu, imam-imam masjid cuba memperbaiki dirinya dengan menghafal mana-mana surah yang sederhana panjang untuk dibaca dalam solat tarawih. Jadi, tradisi membaca surah at-Takathur ke bawah semakin berkurangan.

Penulis merasa tertarik tentang hal sedemikian malah perlu diketengahkan. Amalan tersebut bukanlah datangnya dari mana-mana hadis sahih, hanya ulama-ulama terdahulu yang mengamalkannya dan sekaligus sebagai kemudahan kepada para imam untuk mengamalkannya. Tambahan

pula, surah-surah yang pendek ini telah menjadi amalan masyarakat kampung ketika mengadakan majlis seperti khatam al-Quran dan sebagainya. Tradisi membaca surah *at-Takathur* hingga ke bawah telah menjadi adat sejak zaman-berzaman lagi. Ianya boleh didapati secara bertulis daripada buku-buku yang dikarang oleh ulama-ulama dahulu.

Jadual 7 : Kesan Kepada Responden Setelah Mendirikan Solat

Tarawih

BIL	KESAN KEPADA RESPONDEN	BIL ORANG	PERATUS
1	Hati tenang dan tenteram	234	65.4
2	Ingin mengulanginya lagi	75	20.9
3	Tenang tenteram dan ingin mengulanginya lagi	31	8.7
4	Tanpa apa-apa jawapan	18	5.0
	JUMLAH	358	100

Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan Jadual 7, 234 orang (65.4%) daripada responden yang menunaikan solat tarawih merasa tenang dan tenteram, 75 orang (20.9%) yang ingin mengulanginya lagi, 31 orang (8.7%) yang merasakan tenang tenteram dan ingin mengulanginya lagi serta 18 orang (5%) tidak memberi apa-apa jawapan.

Kalau dilihat dari segi kesan pada diri responden dapatlah dibuat suatu rumusan bahawa mereka merasakan suatu kelainan terhadap jiwa mereka serta merasakan suatu kemanisan dan keharmonian setelah mengerjakan solat

tarawih. Sebab itulah kebanyakan responden merasa gelisah dan teringat-ingat serta merasakan dirinya bersalah bila meninggalkan solat tarawih sama ada secara sengaja ataupun tidak. Ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan mereka adalah tinggi terhadap kepentingan solat tarawih malah amalan sebegini sudah sebatи dalam jiwa mereka. Tambahan pula solat tarawih (walaupun sunat) yang didirikan secara berjemaah hanya dilakukan sekali sahaja dalam setahun iaitu pada bulan Ramadan.

4.4 Program Yang Dilakukan Di Masjid Mukim Dan Bandar

Setiap masjid mukim dan masjid bandar di jajahan Kota Bharu mengadakan aktiviti masing-masing bagi memeriahkan suasana bulan Ramadan. Antara aktiviti yang diadakan ialah mengadakan ceramah tentang fadilah bulan Ramadan sama ada pada waktu selepas solat asar atau di antara solat tarawih. Masa yang diambil hanya 10-15 minit sahaja supaya ia tidak menjemu para jemaah.

Waktu yang diambil untuk sesi ceramah adalah sesuai kerana pada ketika itu jemaah lebih ramai jika dibandingkan dengan waktu-waktu solat yang lain. Penceramah diberi kesempatan menggunakan peluang tersebut untuk digunakan sebaik mungkin bagi memperingati dan menyedarkan para jemaah tentang agama terutamanya kelebihan bulan Ramadan.

Sehubungan dengan itu, terdapat di sesetengah masjid mengadakan sedikit jamuan ringan selepas solat tarawih, ini dikenali sebagai “*moreh*”. Antara tujuannya adalah sebagai “alas perut” dan “membasahkan tekak” sebelum pulang ke rumah masing-masing. Namun begitu penulis cuba mengkaji kemungkinan ada tujuan lain tentang konsep “*moreh*” ini yang boleh menambahkan bilangan ahli jemaah. Di sini, wujudnya pro dan kontra sebagaimana berikut:-

(a) Pro

1. “*Moreh*” dikatakan dapat merapatkan hubungan silatulrahim, kerana pada masa yang sama mereka dapat berbual mesra dan bertanya khabar sesama mereka di samping bertukar-tukar cerita. Ianya juga dapat mengelakkan mereka daripada singgah di kedai atau warung untuk berbual-bual kosong hingga larut malam.
2. *Moreh* juga dapat memeriahkan lagi suasana di bulan Ramadan, selain aktiviti lain yang diadakan seperti tadarus al-Quran, qiamullail, jamuan berbuka puasa dan bersahur, iktikaf, forum dan sebagainya.
3. Melaluinya dapat menggalakkan dan menambat hati kanak-kanak dan kaum muda terutamanya untuk menghadiri jemaah di masjid, dengan kata lain budaya memakmurkan masjid dapat ditingkatkan.

(b) Kontra

1. Ramainya ahli jemaah di sesebuah masjid bukan kerana adanya jamuan ringan atau “moreh”, tetapi adalah kerana keikhlasan kepada Allah S.W.T. Adanya jamuan ringan selepas solat tarawih menyebabkan berlakunya pencemaran di sekitar masjid dan suasana masjid menjadi bising dengan hilai tawa yang mana menghilangkan kemuliaan masjid.
2. Jamuan ringan ini juga menyebabkan bilangan kanak-kanak bertambah ramai. Sebenarnya, semakin ramai bilangan jemaah masjid adalah semakin baik, namun jika yang datang itu dari kalangan kanak-kanak akan menimbulkan berbagai jenis gangguan, maka perkara ini menimbulkan ketidak-puasan dalam beribadat di kalangan ahli jemaah. Keadaan ini boleh menambahkan kebisingan di saf belakang sehingga mengganggu kekhusyukan ketika mendirikan solat.
3. Kurangnya kakitangan untuk mengurus hal-hal jamuan seperti dari segi penyediaan di siang hari (masak), kebersihan, giliran, dan sebagainya tambahan pula mereka (tukang masak, cuci, mengemas dan sebagainya) keletihan selepas mengerjakan solat tarawih.

Jadual 1 : Mengadakan Jamuan Berbuka Puasa

BIL	KEKERAPAN MASJID MENGADAKAN JAMUAN BERBUKA PUASA	BIL ORANG	PERATUS
1	Sepanjang bulan Ramadan	253	70.7
2	Tidak mengadakan jamuan berbuka	44	12.3
3	Kadang-kadang mengadakannya	55	15.4
4	Lain-lain	6	1.7
	JUMLAH	358	100

Sumber : Borang soal selidik

Kenyataan di atas menunjukkan 253 orang (70.7%) daripada responden menyatakan masjid mereka sentiasa mengadakan jamuan berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadan, 44 orang (12.3%) daripada responden menyatakan di masjid mereka tidak mengadakan jamuan berbuka puasa, 55 orang (15.4%) daripada responden menyatakan di masjid mereka kadang-kadang mengadakan jamuan berbuka puasa, manakala 6 orang (1.7%) tidak memberi apa-apa jawapan dan komentar.

Sebenarnya jamuan berbuka puasa yang diadakan adalah untuk memberi peluang kepada golongan miskin menikmati lauk-pauk yang jarang mereka temui. Secara tidak langsung perasaan iri hati terhadap golongan yang lebih dari mereka kerana mereka telah memberikan hak-hak orang miskin yang wujud dalam harta mereka. Dilihat dari sudut moral, golongan miskin merasakan diri mereka juga diberi perhatian. Jadi, jurang perbezaan taraf dan kedudukan tidak timbul dan tidak ada perasaan tersisih hidup bermasyarakat.

Sumber kewangan untuk mengadakan jamuan berbuka puasa adalah berpunca daripada sumbangan golongan yang berada terutamanya penduduk tempatan dan dari pungutan derma. Biasanya masjid-masjid mukim tidak mendapat bantuan kewangan dari Majlis Agama Islam Negeri untuk mengadakan jamuan tersebut. Ada sesetengah masjid menetapkan kepada individu yang berada untuk mengambil bahagian mengadakan jamuan berbuka puasa mengikut hari yang ditentukan sehingga genap bulan Ramadan. Kebanyakan masjid mukim mengadakan jamuan berbuka puasa secara "hidangan selerak" kerana jumlahnya agak kecil jika dibandingkan dengan masjid bandar.

Bagi masjid bandar, segala peruntukan jamuan berbuka puasa ditanggung oleh Majlis Agama Islam. Bilangan ahli jemaah adalah ramai dan kos yang tinggi, mereka adakan jamuan tersebut secara "bungkus" atau "makan berselerak". Tujuan mengadakan nasi bungkus adalah untuk menjimatkan kos dan juga kebersihan masjid adalah terkawal.

Jadual 2 : Pendapat Responden Tentang Solat Tarawih Samada

Dapat Merapatkan Silatulrahim Atau Tidak

BIL	PENDAPAT RESPONDEN	BIL ORANG	PERATUS
1	Merapatkan silatulrahim	337	94.1
2	Tidak merapatkan silatulrahim	11	3.1
3	Lain-lain	10	2.8
JUMLAH		358	100

Sumber : Borang soal selidik

Jadual 14 menunjukkan 337 orang (94.1%) daripada responden berpendapat bahawa solat tarawih yang diadakan secara berjemaah di masjid dapat merapatkan hubungan silatulrahim, 11 orang (3.1%) daripada responden menyatakan tidak, dan 10 orang (2.8%) daripada responden tidak memberi apa-apa kenyataan.

Rumusannya, solat tarawih merupakan salah satu faktor bagi menguatkan hubungan silatulrahim. Melaluinya mereka dapat berjumpa muka dan bertegur sapa antara satu sama lain. Kebiasaan orang-orang kampung yang berhijrah ke kota kerana bekerja dan sebagainya bercuti dan pulang ke kampung halaman masing-masing pada bulan Ramadan terutama hampir Hari Raya Puasa. Jadi, secara tidak langsung tempat mereka bersua muka adalah di masjid.

Dari pengamatan penulis, biasanya para jemaah solat tarawih tidak keseorangan ke masjid. Mereka datang bersama yang lain seperti suami isteri, ibu bapa, kanak-kanak dan kawan-kawan. Keadaan sedemikian memeriahkan lagi suasana bulan Ramadan dengan keadaan mereka yang berduyun-duyun ke masjid. Moga-moga tabiat dan pengamalan sedemikian akan berterusan hingga ke bulan-bulan berikutnya.

4.5 PELAKSANAAN SOLAT TARAWIH DI DATARAN MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU (MPKB).

Dataran MPKB yang terletak di tengah-tengah pusat bandar Kota Bharu adalah antara mercu tanda bagi negeri Kelantan. Ia berfungsi sebagai pusat persinggahan bagi melepaskan kepenatan mereka yang datang ke sini. Pembinaan Dataran ini dibiayai hasil kerjasama beberapa ahli perniagaan selain dari sumbangan orang ramai dan sokongan penuh MPKB. Kedudukannya yang dikelilingi dengan gedung-gedung perniagaan, stesen-stesen bas dan kereta serta berhampiran dengan pasar besar Siti Khadijah.

Sesuai dengan kedudukannya yang strategik, kerajaan negeri mengambil kesempatan bagi mengadakan kegiatan penyebaran ilmu dan beribadat, contohnya pada bulan Ramadan diadakan solat tarawih yang dihadiri oleh penduduk sekitar dan para pelancong seramai lebih kurang 400 – 500 orang.⁶ Ia merupakan salah satu daripada berbagai acara penghayatan Ramadan yang dianjurkan oleh MPKB.

Berdasarkan dari penyelidikan penulis melalui borang soal selidik yang diedarkan sebanyak 50 keping, yang mana hanya 11 keping sahaja yang memulangkannya. Dari jumlah itu penulis mendapati ada beberapa perkara yang menjadi perbezaan di antara Masjid Mukim dan Masjid Bandar dengan Dataran MPKB. Antara perbezaannya adalah seperti berikut :

Jadual 1 : Keperluan Seorang Imam Di Dataran MPKB.

Bil	KEPERLUAN SEORANG IMAM DI DATARAN MPKB	Peratus
1	Imam adalah seorang hafiz.	91%
2	Bacaan imam berlagu dan sederhana	72.7%
3	Bacaan imam satu juz satu malam	27.3%
4	Mendirikan 8 rakaat sahaja	100%

Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan Jadual 1, hampir keseluruhan daripada responden yang menghadiri Dataran ini mahukan imam hafiz. Kebiasaan imam hafiz, bacaannya adalah lancar dan tepat sebutannya. Mereka adalah sesuai sebagai tonjolan kepada penghuni kawasan sekitar Dataran MPKB dan para pelancong yang hadir.

Selain itu, bacaan imam hendaklah merdu suaranya dan sederhana kecepatannya. Seni suara juga menjadi salah satu tarikan kepada para jemaah untuk menghadirkan diri berjemaah bersama. Kemerduan suara imam juga menjadi suatu daya tarikan kepada orang bukan Islam di sekitarnya. Penulis pernah membaca suatu rencana mengenai orang bukan Islam mendapat hidayah dengan kemerduan suara azan. Semoga dengan bacaan imam yang baik dan merdu mendorong orang bukan Islam untuk menghayati dan mendekatkan diri kepada agama Islam.⁷

Jika dilihat pada jadual tersebut, penulis dapati para respondan tidak ramai yang bersetuju kepada imam yang membaca satu juzuk satu malam,

mereka lebih suka kepada bacaan surah yang sederhana panjang. Ramai jemaah yang hadir di Dataran MPKB terdiri daripada musafir yang datang ke Kota Bharu untuk membeli belah dan sebagainya. Ada yang berpendapat bahawa hasrat kerajaan untuk menjadikan Dataran MPKB sebagai model untuk medan ibadat amatlah dialu-alukan.

Begitu juga dari segi rakaat, responden setuju ianya dilakukan 8 rakaat memandangkan masa yang diambil adalah agak lama, disebabkan imam membaca ayat-ayat yang sederhana panjang dan dengan suara yang merdu.

Kesimpulannya, semua responden berpuas hati terhadap imam yang sedia ada di Dataran tersebut. Namun demikian pihak MPKB tetap berusaha mencari imam yang terbaik dan tidak menjemu para jemaah.

Jadual 2 : Strategi Meramaikan Jemaah

BIL	STRATEGI MERAMAIIKAN AHLI JEMAAH	PERATUS
1	Mengadakan jamuan berbuka puasa	81.8%
2	Mengadakan jamuan ringan selepas solat	100%
3	Mengadakan ceramah di antara solat	100%
4	Kedudukannya yang strategik	90%
5	Keperibadian imam	100%

Sumber: Borang soal selidik

Secara umumnya kegiatan tersebut adalah untuk meramaikan ahli jemaah solat tarawih. Semua ini merupakan inisiatif yang dibuat oleh pihak kerajaan yang menunjukkan bahawa amal ibadat boleh dilakukan di mana-

mana sahaja walaupun di kawasan terbuka dan penuh sesak dengan jemaah. Sebelum ini, penulis belum pernah mendengar dan melihat dari mana-mana sumber media tentang kedudukan solat tarawih yang dilakukan di kawasan terbuka kecuali di Dataran MPKB sahaja.

Jamuan berbuka puasa yang diadakan di Dataran MPKB adalah dari sumbangan kewangan pihak kerajaan. Walau bagaimanapun ada juga golongan yang berada menyediakan makanan untuk berbuka puasa seperti kuih-muih, nasi bungkus, buah tamar dan minuman. Begitu juga jamuan ringan yang diadakan selepas solat tarawih sebagai alas perut sebelum pulang ke rumah masing-masing.

Selain itu, ceramah-ceramah agama juga diadakan antara solat tarawih. Penceramah adalah terdiri daripada mereka yang terkenal dan juga dari wakil-wakil rakyat yang dijemput untuk memberi ceramah selain memperkenalkan diri mereka di khalayak ramai. Isi ceramah biasanya hanya tertumpu sekitar kelebihan bulan Ramadan.

Kesimpulannya, daya penarik yang ada pada diri imam dan keperibadiannya merupakan faktor yang penting dalam penghayatan solat tarawih. Sungguhpun begitu, penulis tidak menolak kemungkinan adanya faktor-faktor lain yang menjadi tarikan para jemaah untuk menghadiri solat tarawih di Dataran MPKB.

4.6 REAKSI MASYARAKAT BUKAN ISLAM SEKITAR DATARAN MPKB TENTANG SOLAT TARAWIH

Penulis merasa tertarik untuk meneliti tentang solat tarawih di Dataran MPKB disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah mengenai tempat solat tersebut yang dilakukan di tempat terbuka malah di tengah-tengah bandar yang belum pernah dilakukan di mana-mana negeri di Malaysia sebelum ini. Demikian juga dari segi kemudahan yang ada hanyalah ala kadar sahaja seperti khemah, tikar dan alat siaraya. Selain dari solat tarawih, tempat ini juga dijadikan sebagai tempat untuk solat hari raya, ceramah dan forum agama.

Suatu perkara yang penting perlu diketengahkan di sini ialah reaksi masyarakat bukan Islam terhadap program solat tarawih di Dataran MPKB. Ini disebabkan persekitarannya berhampiran dan dikelilingi dengan kedai, pusat membeli-belah, hotel, stesen bas, kereta sewa, pasar besar Siti Khadijah dan lain-lain, yang mana terdiri daripada orang-orang Islam dan juga orang-orang bukan Islam sama ada dari kalangan penduduk tempatan atau pelancong luar dan dalam negeri.

Pihak kerajaan negeri Kelantan mengambil tindakan serius menangani hal ini sehingga YAB. Tuan Guru Dato Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan sendiri memberi arahan kepada pegawai-pegawai supaya menjemput orang bukan Islam untuk menghadiri majlis keagamaan seperti ini

bahkan diberi peluang kepada mereka masuk masjid untuk mendengar khutbah jumaat.⁸

Mengikut temubual penulis dengan Pengurus Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, hampir 2.5 juta pelancong datang ke Kelantan sehingga September 1998. Mereka terdiri dari pelbagai bangsa dan agama, kebanyakannya tinggal di hotel di sekitar Kota Bharu.⁹ Di kesempatan ini penulis cuba mengkaji reaksi pro dan kontra orang-orang bukan Islam di sekitar Dataran MPKB. Di antara perkara yang diperkatakan sepanjang temubual penulis dengan beberapa orang bukan Islam yang perlu diketengahkan di sini ialah:-¹⁰

(a) Kesibukan Di Kawasan Sekitar Dataran MPKB

Penulis meninjau kawasan Dataran MPKB dan melihat sendiri keadaan para pengunjung di bandar Kota Bharu pada malam akhir Ramadan. Kesibukan orang ramai dan para jemaah tidaklah begitu ketara cuma kawasan pinggir kedai mereka agak sempit sedikit kerana ruang tersebut digunakan untuk solat tarawih.

Mengikut beberapa orang yang ditemubual oleh penulis,¹¹ mereka mengatakan bahawa keadaan kesibukan itu tidak menjadi masalah bagi mereka, bahkan boleh mlariskan jualan mereka kerana orang-orang Islam boleh datang ke bandar Kota Bharu untuk membeli belah sempena menyambut

Hari Raya Puasa. Walau bagaimanapun ada di antara masyarakat non Muslim merungut tentang sesetengah ahli jemaah yang membiarkan anak-anak berada di tepi kedai mereka dan berlari ke sana ke mari sehingga mengganggu penjualan mereka.

Umat Islam yang sentiasa berpusu-pusu menghadiri solat tarawih menyebabkan jalan raya di sekitarnya dibanjiri dengan kenderaan. Keadaan sebegini adalah suatu perkara yang lumrah. Para peniaga tentunya berterima kasih dengan kebanjiran manusia di Dataran MPKB itu, kerana mereka secara tidak langsung membeli belah di kedai mereka. Jadi tiada sebab untuk mereka marah kerana itu adalah untuk kepentingan diri mereka juga.

Di samping itu reaksi yang baik juga ditunjukkan oleh pelancong asing yang tinggal di hotel yang berdekatan. Ada di kalangan mereka yang sanggup turun dari hotel untuk menyaksikan sendiri dengan lebih jelas suasana umat Islam menyambut kedatangan Ramadan. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak menimbulkan reaksi yang kurang menyenangkan terhadap program tersebut.¹²

(b) Penggunaan Alat Siaraya

Sudah semestinya setiap majlis rasmi sekarang ini menggunakan alat siaraya. Begitu juga di dalam hal solat tarawih. Para jemaah yang bersolat akan

menjadi sulit jika tidak terdapat alat-alat siaraya umpamanya pembesar suara. Tambahan pula, hiruk-pikuk di tapak perniagaan berhampiran akan mengganggu suara imam.

Tidak ada sebarang reaksi yang ditimbulkan oleh golongan bukan Islam di kawasan sekitarnya. Mereka berpendapat bahawa alat siaraya terutamanya pembesar suara tidaklah terlalu kuat bunyinya dan secara langsung tidak mengganggu urusan mereka. Tambahan pula alat pembesar suara di halakan ke arah Pasar Besar Siti Khadijah. Jadi, adanya pembesar suara tidak menjadi apa-apa halangan kepada mereka. Menurut mereka, bacaan ayat suci al-Quran yang dibaca oleh imam tidak mengganggu istirehat mereka kerana kedai-kedai di kawasan itu di tutup pada pukul 10.00 malam. Ini bertepatan dengan solat tarawih yang dilaksanakan sebanyak 8 rakaat yang kebiasaannya berakhir tatkala jam menunjukkan 10.00 malam.¹³

(c) Kerjasama Dalam Memutarkan Lagu-Lagu, Muzik dan Bacaan al-Quran

Setelah kerajaan Kelantan diambil alih oleh Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pada tahun 1990, beberapa perubahan telah dibuat antaranya ialah, mengarahkan pihak MPKB supaya memberi nasihat kepada premis-premis kedai dan pasaraya supaya mendendangkan lagu-lagu yang berbentuk Islami di bulan Ramadan. Begitu juga ketika berlangsungnya solat tarawih,

irama nasyid diputarkan secara perlahan atau ditutup buat sementara waktu. Tujuannya adalah untuk menimbulkan suasana yang selesa tak kira sama ada kepada para jemaah atau orang ramai yang membeli belah di gerai yang berhampiran. Tentunya ia akan memeriahkan lagi suasana dan membuat hati terpesona.

Masyarakat bukan Islam juga suka dengan suasana yang sedemikian. Bagi mereka, ianya tidak menimbulkan masalah. Malahan mereka suka dengan lagu-lagu yang bercorak keislaman yang tenang dan menggambarkan sifat kerohanian. Tidak ada salahnya mendendangkan lagu-lagu nasyid dan ceramah yang sesuai dengan corak pentadbiran kerajaan negeri Kelantan yang bercirikan Islam. Tidak terdetik di hati mereka akan sentimen perkauman dan ingin menghina agama mereka. Misalnya di Pasar Raya The Stor memasang ceramah agama selama 10 hingga 15 minit sebelum masuknya waktu sembahyang dan waktu berbuka puasa.¹⁴ Ini merupakan satu perkembangan yang agak baik dan menjadi *sampel* kepada pengusaha Pasar Raya yang lain untuk menarik pelanggan berugama Islam ke tempat mereka.

Sesuai dengan konsep masyarakat berbilang bangsa yang diamalkan di Malaysia, lagu-lagu nasyid tidak menyinggung perasaan orang bukan Islam. Bagi masyarakat non-muslim di Kelantan, mereka tentunya akan memahami suasana malam Ramadan. Ini kerana masyarakat Islam di Kelantan merupakan majoriti penduduk di Kelantan dengan jumlah 95%, namun tidak dinafikan ada

sesetengah golongan bukan Islam yang merasa kurang senang dengan keadaan ini.

(d) Konsep Solat Tarawih Di Tempat Terbuka

Islam merupakan suatu agama yang mudah bagi umatnya dalam semua perkara teristimewa ketika menunaikan ibadat. Mereka boleh melakukannya di mana sahaja asalkan suci diri dan bersih tempat sujud. Namun demikian, penulis sempat menemuramah masyarakat non muslim tentang konsep solat tarawih di tempat ini. Hasil dari temubual tersebut, mereka melihat cara orang-orang Islam bersembahyang adalah mudah dan *simple* sahaja walaupun ada paksaan dari segi pakaian yang perlu menutup aurat, kebersihan tempat sujud dan mempunyai waktu-waktu tertentu untuk sembahyang. Mereka mengagap bahawa itu sebagai suatu tradisi umat Islam. Namun demikian, tuntutan kebersihan adalah perlu dalam semua agama.

Mereka tidak terlalu fanatik terhadap agama walaupun mereka merasa pelik melihat cara orang-orang Islam sembahyang yang boleh dilakukan di mana-mana sahaja. Sedangkan mereka perlu meletakkan “sesuatu” di hadapan mereka semasa sembahyang sebagai tanda perantaraan dirinya dengan Tuhan mereka.

Tapi, apa yang menyedihkan kita ialah adanya rungutan dari kalangan orang Islam sendiri yang beranggapan bahawa seolah-olah orang-orang Islam tidak ada tempat untuk sembahyang, sedangkan kerajaan membina masjid dengan berbelanja berjuta-juta ringgit. Menurut mereka, ini adalah cara orang-orang dahulu yang tidak ada tempat untuk sembahyang kecuali hanya beratapkan khemah-khemah serta beralaskan tikar-tikar usang untuk sembahyang.¹⁵ Semua ini berlaku kerana kecetekan ilmu agama yang ada pada diri mereka masing-masing.

e) Faedah Antara Solat Tarawih Atau Konsert Hiburan Di Dataran MPKB

Konsert hiburan pada umumnya disukai oleh semua lapisan masyarakat tidak kira orang yang beragama Islam atau non-muslim. Namun, pada bulan Ramadan khususnya orang bukan Islam juga tidak suka kepada konsert hiburan sebagai menghormati agama Islam. Ini sesuai dengan hasrat kerajaan Kelantan yang ingin menjadikan negeri ini dengan jolokkan “Serambi Mekah”. Begitu juga, langkah yang diambil oleh Exco Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk menyekat mana-mana konsert hiburan adalah tepat sekali.

Kesimpulannya, masyarakat bukan Islam juga menyambut baik segala perancangan yang dibuat oleh kerajaan negeri. Ianya bukan untuk kemudahan kalangan orang Islam sahaja bahkan meliputi masyarakat bukan Islam. Begitu juga dalam hal masalah keruntuhan moral di kalangan remaja. Mereka

berpendapat bahawa segala unsur yang membawa kepada keruntuhan akhlak tidak perlu diadakan kerana mereka menyambut baik hasrat kerajaan untuk menghapus segala aktiviti maksiat. Tambahan pula menjauhi maksiat atau keburukan merupakan tuntutan mana-mana agama agar manusia hidup aman damai sepanjang masa.

Nota Hujung

1. Lihat "Buku Harian Rasmi 1998" Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan .
2. Temubual dan perbincangan dengan Penyelia Pelajar Pondok Terosan Pasir Tumbuh, pada 14 Januari 1999, jam 3 petang.
3. Temubual dengan Ustaz Ismail Saidina, Imam Besar Masjid Muhammadi, pada 12 September 1998, jam 10 pagi.
4. Temubual dengan Ustaz Ab. Rahman Al-Qari, Guru di MTAQ, pada 22 Oktober 1999, jam 10 pagi.
5. Lihat akhbar Utusan Malaysia bertajuk "Kumpulan Cuba Seleweng Sembahyang Tarawih" bertarikh 11 April 1989 dan rujuk di *lampiran K*.
6. Temubual dengan Wan Syukri bin Wan Hassan, kakitangan Unit Pembangunan Islam MPKB, pada 9 Mac 1999, jam 3 petang.
7. Sila lihat Majalah Anis, pada bulan April 1999 di *lampiran L*.
8. Sila lihat sedutan ucapan Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan bertarikh 15 Januari 1996 dalam perasmian forum "Ramadan Melahirkan Insan Takwa" dalam Buletin keluaran khas, pada januari 1996.
9. Temubual dengan Encik Sulaiman bin Hj. Ismail, Pengurus Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, pada 12 Oktober 1998, 11.30 pagi.
10. Temubual penulis dengan beberapa orang non-muslim di antaranya Tan Siew Nee, Tan Siew Hua dan Lor Yan Leng, pada 28 Oktober 1999, jam 5.30 petang.
11. *Ibid.*
12. Temubual dengan Nabil bin Abbas, salah seorang makmun di Dataran MPKB, pada 28 Oktober 1999, jam 11.30 pagi
13. Temubual dengan Lee Pak Seng, Pengusaha Kedai Kasut Bata berhampiran Dataran MPKB, pada 28 Oktober 1999, jam 6 petang.

14. Temubual dengan Lor Yan Leng, salah seorang pekerja di Supermarket The Stor pada 28 Oktober 1999, jam 6.30 petang.
15. Temubual dengan Raja Husin bin Raja Daud, Pemandu Kenderaan Penerangan Unit Pembangunan Islam MPKB, pada 23 Oktober, jam 6 petang.